

# Yasmine serah kad terima kasih kepada PM

UM - 4 SEP 2003

Oleh NAZERI NONG SAMAH  
dan ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 3 Sept. — *Malaysia is very good*, puji Yasmine Wa'adi, 9, kanakkanak Iraq yang menjadi mangsa pencerobohan perang Amerika Syarikat (AS) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Pujian Yasmine itu membawa pengertian penuh bermakna memandangkan beliau yang kudung kedua-dua kaki adalah simbol kesengsaraan rakyat Iraq yang tidak berdosa akibat serangan AS ke atas negaranya.

Yasmine, yang telah menjalani rawatan empat bulan di negara ini, juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kerana sudi meluangkan masa beramah mesra dengannya.

Pada pertemuan di Hotel Nikko di sini, Yasmine menyerahkan kad ucapan "Terima Kasih Malaysia" yang dilukisnya sendiri kepada Dr. Mahathir dan *Thank You Dear Malaysians for Giving Me Hope for a Better Life* kepada Dr. Siti Hasmah.

## ● Lagi berita di muka 14

Majlis penuh ceria itu berlangsung selepas Dr. Mahathir mengadakan kunjungan perpisahan ke atas Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki di hotel tersebut.

Hadir sama ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan semua doktor pakar yang merawat Yasmine khususnya dari Hospital Bersalin Cina, Kuala Lumpur.

Di hospital itu, Yasmine menjalani rawatan dan pembedahan diketuai oleh Dr. S. Shanmugam bagi mengeluarkan serpihan bom pada lutut pada 13 Mei lalu.

Sepanjang berada di Kuala Lumpur, Yasmine yang ditemani oleh bapanya, Wa'adi Makhtoor Hassan menginap di Hotel Swiss Garden yang berdekatan dengan hospital itu.

Pertemuan Dr. Mahathir dengan Yasmine itu diatur oleh Pasukan Bersama

■ Lihat muka 4

## Yasmine serah kad terima kasih kepada PM

Media Malaysia (JMTM) yang membuat liputan perang pencerobohan ke atas Iraq pada April lalu.

"Terima kasih kepada Perdana Menteri dan rakyat Malaysia kerana memberi harapan kepada saya," kata Yasmine yang petah berbicara.

Beliau yang sudah dapat berjalan dengan menggunakan kaki palsu sumbangan Kumpulan UEM, akan pulang ke Iraq pada Sabtu ini.

Bapa Yasmine tidak hadir dalam pertemuan itu kerana mempunyai urusan lain bagi persiapan pulang ke Iraq.

### Kaki palsu

Dengan menggunakan kaki palsu itu, Yasmine berjalan sambil tangannya dipimpin oleh Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah ketika menghantar pulang Perdana Menteri ke kereta di pekarangan hotel.

Yasmine dibawa ke Malaysia atas inisiatif JMTM dengan menaiki pesawat Royal Jordanian Airline dari Aman dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada 5 Mei lalu.

Yasmine yang cedera parah ditemui oleh JMTM di kawasan al-Qadasiya, Iraq pada 12 April lalu.

Menurut bapanya, serangan bom tentera penceroboh Amerika Syarikat berlaku ke atas mereka sekeluarga sebaik sahaja selesai makan malam pada 9 April lalu.